

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG
[MARANG]

SOALAN NO. 6

Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG [MARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang mengilang, menjual atau terlibat dalam pembekalan arak murah, terutamanya ke kawasan-kawasan persisiran, luar bandar dan golongan bawah umur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memandang serius kegiatan pembuatan dan pengedaran minuman keras murah di negara ini di mana umumnya akan memberi impak negatif terhadap kesihatan dan mengakibatkan gejala sosial dalam masyarakat. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengurangkan pengeluaran dan pengambilan dengan menghadkan akses kepada produk tersebut oleh masyarakat. Pelbagai langkah telah diambil sebagai usaha untuk membendung pengeluaran, penjualan dan penggunaan produk tersebut seperti berikut:

- i. Membekukan pengeluaran lesen di bawah Seksyen 20 Akta Eksais 1976 sejak tahun 2006 supaya tiada peningkatan bilangan pengilang minuman keras dalam negara. Pengilangan arak secara haram (tanpa lesen) boleh diambil tindakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Akta yang sama.
- ii. Menetapkan syarat kepada standard pelabelan dan pembungkusan arak, larangan penjualan kepada mana-mana orang yang di bawah umur 18 tahun dan juga larangan mempamerkan bagi jualan apa-apa minuman beralkohol bersama dengan makanan lain seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983.
- iii. Kawalan aktiviti penjualan dan pengedaran minuman keras melalui pengeluaran lesen oleh Lembaga Pelesen bagi setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seperti yang termaktub di bawah Seksyen 35 Akta Eksais 1976.
- iv. Larangan penyiaran iklan minuman keras adalah dalam siaran televisyen Kerajaan dan swasta melalui Garis Panduan Penapisan Filem 1996.

NO SOALAN : 6

Selain itu, tindakan penguatkuasaan yang berterusan dijalankan bagi membendung penjualan arak haram, sama ada arak yang diseludup mahupun arak tempatan yang dikilangkan secara haram. Antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh JKDM termasuklah mengadakan Operasi Outlet dan Ops Pacak bagi menyekat *system delivery* penyeludupan dan penjualan minuman keras di outlet dan premis-premis yang menjual minuman keras tidak sah selain bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain untuk menjalankan operasi-operasi penguatkuasaan bersepadu.